

Kajian Keperluan Nota Ringkas, Soalan dan Skema Jawapan Ulangkaji Pelajar DPM Laman Sesawang iQuestionsPKB: Satu Kajian Kes PKB

Lt Kol Che Marzuki Bin Che Hussin¹, Mohammad Shahril Bin Ghazali² dan Zulfaizad Bin Abd Hamid³

^{1,2,3} *Department of Commerce, Polytechnic Kota Bharu, Kelantan,*

Corresponding email: marzuki@pkb.edu.my

Abstrak Bahan rujukan adalah satu keperluan bagi pelajar. Hal ini kerana pelajar memerlukan sumber rujukan bagi membantu mereka dalam proses pembelajaran. Masalah yang pelajar hadapi adalah kekurangan sumber rujukan. Masalah ini memberi kesan kepada kami pelajar untuk mendapat nota yang lengkap dan senang untuk difahami. Sumber rujukan kebanyakannya pelajar mendapat daripada pusat sumber namun hanya segelintir pelajar yang akan mencari bahan rujukan disana. Faktor lain yang menyebabkan pelajar kurang berkunjung di pusat sumber kerana mereka kekurangan masa. Sampel kajian ini adalah seramai 52 orang pelajar DPM Jabatan Perdagangan Politeknik Kota Bharu.). Nilai Cronbach Alfa untuk ke semua item kajian adalah 0.874 dan bagi Std Devistion adalah < 2.5 dan nilai Skewness adalah kurang daripada 2.0 dan lebih besar daripada -2.0. Nilai korelasi (r) menghasilkan nilai 0.801. Kajian ini menunjukkan wujud hubungan yang kuat di antara keperluan nota dengan menggunakan nota sebagai medium pilihan untuk pelajar mentelaah mata pelajaran. Melalui keputusan ini, maka perlu ada perisian untuk memudahkan para pelajar mengambil dan mendapatkan nota tersebut. Oleh itu, 'i-questionpkb' ialah satu konsep pembelajaran melalui nota lengkap dan nota ringkas serta latihan melalui soalan-soalan semester lepas yang dilakukan menggunakan media elektronik yang mana terdapat maklumat yang lengkap. Pembelajaran melalui 'i-questionpkb' melibatkan penggunaan internet ianya dapat menjimatkan kos pelajar.

PENDAHULUAN

Soalan dan skema jawapan untuk ulangkaji bagi subjek adalah satu sumber yang penting dalam proses pembelajaran. Proses pembelajaran di dalam kelas hanya melalui buku rujukan dan juga pensyarah. Untuk pelajar menyiapkan tugas dan latihan mereka juga memerlukan sumber rujukan yang senang untuk dicari. Pelajar pada masa zaman sekarang lebih suka mencari bahan rujukan dalam internet namun tidak semua bahan rujukan boleh diambil kerana bukan semua blog ditulis oleh seseorang yang pakar dalam bidang pendidikan. Kebanyakan pelajar juga tidak suka mencari sumber rujukan yang panjang. Tanpa soalan dan skema maka agak sukar untuk pelajar menjawab soalan dengan lengkap.

Latar belakang masalah

Banyak kajian yang dibuat tentang masalah pelajar mendapatkan bahan sumber rujukan mereka. Hal ini kerana kebiasaannya pensyarah tidak berpuas hati dengan setiap jawapan yang disediakan kerana tidak memenuhi kriteria pemarkahan yang mereka tetapkan menyebabkan pelajar terpaksa membuat kembali soalan atau tugas tersebut. Selain itu, pelajar juga sukar untuk mendapatkan soalan-soalan semester lepas serta skema jawapan. Pelajar juga sukar mendapatkan nota ringkas dan padat seperti dalam bentuk lakaran peta minda.

Pernyataan masalah

Apabila pelajar sukar untuk mendapatkan soalan dan skema rujukan untuk pembelajaran mereka ia memberi satu impak kepada keputusan akademik pelajar. Adakah pelajar dapat memahami dengan proses pembelajaran dengan hanya mengguna bahan rujukan asas seperti buku rujukan dan tidak berpandukan skema jawapan apabila menjawab soalan. Masalah ini yang cuba dikaji bagaimana keperluan kepada soalan dan skema jawapan bagi rujukan untuk ulangkaji. Kebergantungan kepada buku dan hasil pembelajaran daripada pensyarah tanpa mengetahui kehendak soalan dan jawapan yang betul akan menyebabkan pelajar membuang masa membaca dan mengulangkaji mata Pelajaran tanpa rujukan skema jawapan.

Objektif kajian

Kajian ini berkaitan mengenalpasti keperluan nota ringkas, soalan dan skema jawapan semester lepas berbentuk digital iquestionpkb untuk mengulangkaji mata pelajaran.

Persoalan kajian

Adakah terdapat keperluan nota ringkas, soalan dan skema jawapan bagi ulangkaji pelajar DPM bagi Iquestionpkb?

Skop kajian

Kajian ini dilakukan terhadap pelajar Semester 5 DPM di Politeknik Kota Bharu, Kelantan sebagai satu kajian kes. Kajian ini menggunakan borang soal selidik sebagai pengukur kajian.

SOROTAN KAJIAN

Kemajuan teknologi telah membawa banyak perubahan terutamanya penggunaan internet dalam bidang pendidikan. Menurut [3] E-learning merupakan salah satu instrument teknologi pembelajaran dapat mengembangkan sistem pendidikan secara meluas kerana pelajar dapat mengakses dimana-mana sahaja. Kajian ini disokong oleh pembelajaran mudah alih atau mobile learning seperti telefon bimbit, komputer riba dan lain-lain mekanisme penyampaian menjadi peralatan utama untuk e-learning.

Tambahan pula, e-learning dapat membantu pelajar dalam pembelajaran. Kajian ini disokong oleh [4], menurutnya e-learning dalam pengajian Pendidikan tinggi boleh difahami sebagai teknologi yang mempertingkatkan pengajaran dan pembelajaran dalam sesebuah industri pendidikan.

Penggunaan perisian dalam pembelajaran memberi manfaat dalam mewujudkan suasana pengajaran dan pembelajaran interaktif yang lebih fleksibel dan lebih canggih bagi pelajar. Menurut [5]. Pelajar juga mendapat pelbagai kemudahan menggunakan e-learning. Mereka boleh menjawab soalan-soalan peperiksaan akhir serta dapat melihat skema jawapan sebagai rujukan. Selain itu, mereka juga dapat membuat rujukan melalui nota penuh dan nota ringkas yang telah disediakan.

Seterusnya, melalui e-learning juga pelajar dapat mengakses bahan serta mempelajarinya mengikut keperluan sendiri dari segi masa, tempat walau dimana saja. E-learning juga banyak menyediakan bahan bersifat interaktif yang mampu memberi maklumat serta mudah untuk diakses menurut e-learning.com.

Selain itu, menurut Shiung [6] pembelajaran dalam talian sangat mudah untuk dikemaskinikan kerana bahan kandungan yang terkini boleh dimuatnaikkan ke dalam perisian yang digunakan apabila perlu. Pada kebiasaannya, segala maklumat yang terdapat dalam system e-learning dikemaskini sepanjang masa. Pelajar akan dapat memperoleh bahan dengan cepat dan terkini.

Seterusnya, menurut Victor [7] beliau mendefinisikan e-learning sebagai penggunaan teknologi berinovasi dan modal pembelajaran yang dapat menukarkan cara seseorang dan juga organisasi memperoleh kemahiran dan menambah pengetahuan yang baru.

METODOLOGI

Rekabentuk kajian

Kajian ini merupakan kajian deskriptif yang menggunakan data-data kuantitatif. Data-data kajian akan dipungut melalui borang soal selidik ke atas sampel yang dicadangkan. Soal selidik diambil data dan dikumpulkan serta dianalisis menggunakan perisian SPSS.

Populasi dan sampel

Populasi kajian adalah terdiri daripada pelajar DPM Semester Akhir Politeknik Kota Bharu, Kelantan. Sampel kajian ini adalah seramai 52 orang yang dibahagikan 2 set soalan bagi pelajar semester 5 Diploma Pengajian Perniagaan iaitu 26 set soalan kepada kelas DPM 5B dan 26 set soalan kepada pelajar DPM 5C.

Instrumen

Proses untuk mendapatkan data-data yang berkaitan dengan kajian ini, penyelidik akan menggunakan satu set borang soal selidik. Borang soal selidik yang disediakan mengandungi satu (1) bahagian sahaja.

Jadual 1 menunjukkan Skala Likert dan skor berbentuk skala 5 point yang digunakan dalam borang soal selidik

JADUAL 1 Jadual Tahap Pilihan Likert (2020)

Skala	Nilai Skor
Sangat setuju	5
Setuju	4
Tidak pasti	3
Tidak setuju	2
Sangat tidak setuju	1

Prosedur kajian

Sampel kajian akan menjawab soalan-soalan instrument kajian melalui borang selidik yang diberikan.

Teknik Analisa Data

Disebabkan kajian ini merupakan kajian deskriptif, data akan dianalisa berdasarkan kepada;

i) Keputusan ujian peratusan mudah

Contoh pengiraan peratusan mudah:

$$= \frac{A}{B} \times 100$$

$$= C$$

i) Ujian Reliability

Ujian untuk mengukur kebolehpercayaan data bagi setiap kajian dan responden. Kajian ini juga akan menganalisa soalan berdasarkan kepada kebolehpercayaan soalan. Soalan soal selidik akan diterima jika Cronbach's Alpha lebih besar daripada 0.6

ii) Ujian Normality

Ujian Normality untuk melihat tahap bagi setiap data yang diambil daripada responden. Ujian Normality berdasarkan kepada penerokaan yang akan dilihat pada Standard Deviation mesti kurang daripada 2.5 dan Skewness diantara ± 2.0

iii) Ujian Korelasi

Untuk melihat hubungan dia antara pemboleh ubah berdasarkan jadual berikut:

JADUAL 2: Jadual Interpretasi Kolerasi

Saiz Pekali Korelasi	Interpretasi Korelasi
0.90-1.00	Terlalu tinggi
0.70-0.90	Tinggi
0.50-0.70	Sederhana
0.30-0.50	Rendah
0.01-0.30	Lemah
0.00	Tiada hubungan

ANALISA DATA

Ujian Peratusan Mudah

Kajian ini telah dijalankan ke atas pelajar Pengajian Perniagaan semester 5 di Politeknik Kota Bharu, Kelantan iaitu seramai 52 orang pelajar dijadikan sampel bagi mewakili masalah yang dikaji. Bahagian ini menerangkan tentang profil responden.

Analisis soalan 1: Saya mudah mendapatkan soalan-soalan semester lepas

JADUAL 3. Peratusan mudah mendapatkan soalan-soalan semester lepas

Skala	Bilangan	Peratusan (%)
Sangat tidak setuju	1	1.9
Tidak setuju	3	5.8
Tidak pasti	23	44.2
Setuju	18	34.6
Sangat setuju	7	13.5
Jumlah	52	100

Berdasarkan jadual 3.3, sebanyak 44.2% pelajar tidak pasti untuk mendapatkan soalan semester lepas dari mana. Selain itu, 34.6% pelajar setuju bahawa mudah mendapatkan soalan-soalan semester lepas dan 1.9% pelajar sangat tidak setuju bahawa mudah mendapatkan soalan-soalan semester lepas.

Analisis 2: Saya senang untuk mendapat skema jawapan soalan semester lepas

JADUAL 4. Peratusan senang untuk mendapat skema jawapan soalan semester lepas

Skala	Bilangan	Peratusan (%)
Sangat tidak setuju	4	7.7
Tidak setuju	14	26.9
Tidak pasti	24	46.2
Setuju	8	15.4
Sangat setuju	2	3.8
Jumlah	52	100

Berdasarkan jadual 4, sebanyak 46.2% pelajar tidak pasti senang untuk mendapat skema jawapan soalan semester lepas. Selain itu, 26.9% pelajar tidak setuju bahawa senang untuk mendapat skema jawapan soalan semester lepas dan 3.8% pelajar sangat setuju bahawa senang untuk mendapat skema jawapan soalan semester lepas.

Analisis 3: Senang untuk merujuk nota yang sedia ada

JADUAL 5. Peratusan Senang untuk merujuk nota yang sedia ada

Skala	Bilangan	Peratusan (%)
Sangat tidak setuju	1	1.9
Tidak setuju	5	9.6
Tidak pasti	21	46.4
Setuju	17	32.7
Sangat setuju	8	15.4
Jumlah	52	100

Berdasarkan jadual 5, sebanyak 46.4% pelajar tidak pasti senang untuk merujuk nota yang sedia ada. Selain itu, 32.7% pelajar tidak pasti bahawa senang untuk merujuk nota yang sedia ada dan 1.9% pelajar sangat tidak setuju bahawa senang untuk merujuk nota yang sedia ada.

Analisis 4: Mudah untuk mendapatkan nota ringkas

JADUAL 6. Mudah untuk mendapatkan nota ringkas

Skala	Bilangan	Peratusan (%)
Sangat tidak setuju	0	0
Tidak setuju	6	11.5
Tidak pasti	23	44.2
Setuju	14	26.9
Sangat setuju	8	15.4
Jumlah	52	100

Berdasarkan jadual 6, sebanyak 44.2% pelajar tidak pasti bahawa mudah untuk mendapatkan nota ringkas. Selain itu, 26.9% pelajar setuju bahawa mudah untuk mendapatkan nota ringkas dan 11.5% pelajar tidak setuju bahawa mudah untuk mendapatkan nota ringkas.

Analisis 5: Mudah untuk mendapatkan nota lengkap

JADUAL 3.7: Peratusan untuk mendapatkan nota lengkap

Skala	Bilangan	Peratusan (%)
Sangat tidak setuju	1	1.9
Tidak setuju	6	11.5
Tidak pasti	27	51.9
Setuju	9	17.3
Sangat setuju	9	17.3
Jumlah	52	100

Berdasarkan jadual 3.8 sebanyak 51.9% pelajar tidak pasti bahawa mudah untuk mendapatkan nota lengkap. Selain itu, 17.3% pelajar setuju dan sangat setuju bahawa mudah untuk mendapatkan nota lengkap dan 1.9% pelajar sangat tidak setuju bahawa mudah untuk mendapatkan nota lengkap.

Ujian Reliability

Kebolehpercayaan (Reliability Analysis) menggunakan Cronbach Alfa. Cronbach Alfa 0.6 atau lebih menunjukkan item boleh dipercayai sebagai mengukur komponen yang hendak diukur dan mempunyai ketekalan dalaman (Internal Consistency) [2].

JADUAL 8. Reliability Statistics

Cronbach's Alpha	N Of Items
0.874	5

Pada data kajian di Jadual 3.8 menunjukkan nilai Cronbach Alfa adalah lebih besar daripada 0.60. kesemua soalan telah melepasi tahap kebolehpercayaan yang ditetapkan iaitu Cronbach's Alpha 0.60 dan ke atas (Cortina,1993). Cronbach Alfa untuk kesemua item kajian adalah 0.874 nilai-nilai ini menunjukkan item yang boleh dipercayai sebagai mengukur komponen yang hendak diukur dan mempunyai ketekalan dalaman (Internal Consistency).

Ujian Normality

Analisa ini dilaksanakan bagi menentukan bahawa keseluruhan data responden yang diperolehi adalah "wellmodelled", iaitu bertabur secara taburan normal atau tidak. Bagi mendapatkan keputusan untuk analisa ini, ujian normality dilakukan keatas keseluruhan data responden yang ada. Fokus utama penyelidik adalah untuk melihat dan menjelaskan data normal yang digunakan dalam penyelidikan ini.

JADUAL 9. Ujian Normality

	Soalan 1	Soalan 2	Soalan 3	Soalan 4	Soalan 5
Std. Deviation	0.882	0.934	0.953	0.951	0.987
Skewness	-0.218	0.019	-0.207	0.179	0.216

Berdasarkan kepada jadual 3.4, Menurut (Ulaيمي (2013) nilai Std Deviation adalah < 2.5 dan Skewness adalah bernilai ± 2.0 dikira normal bagi ujian Normality soalan. Berdasarkan data di atas semua nilai bagi Std Devistion adalah < 2.5 dan nilai Skewness adalah kurang daripada 2.0 dan lebih besar daripada -2.0. Oleh itu berdasarkan Ujian Normality Soalan maka data di atas dianggap normal (Ulaيمي (2013). Kesimpulan menunjukkan normality dipenuhi sebagai data kajian. Kesimpulan daripada jadual 3.9 menunjukkan semua soalan adalah dianggap normal.

Analisa data berdasarkan korelasi

Analisa kajian dapatan korelasi untuk melihat apakah terdapat hubungan di antara pelajar senang untuk mendapatkan nota, senang mendapatkan soalan-soalan peperiksaan akhir semester lepas, mudah mendapatkan skema jawapan soalan peperiksaan akhir semester lepas.

JADUAL 10. Keputusan korelasi

		S1	S2	S3	S4	S5
S1	Pearson Correlation	1	.378**	.580**	.681**	.437**
	Sig. (2-tailed)		.007	.000	.000	.001
	N	50	50	50	50	50
S2	Pearson Correlation	.378**	1	.554**	.564**	.466**
	Sig. (2-tailed)	.007		.000	.000	.001
	N	50	50	50	50	50
S3	Pearson Correlation	.580**	.554**	1	.801**	.632**
	Sig. (2-tailed)	.000	.000		.000	.000
	N	50	50	50	50	50
S4	Pearson Correlation	.681**	.564**	.801**	1	.709**
	Sig. (2-tailed)	.000	.000	.000		.000
	N	50	50	50	50	50
S5	Pearson Correlation	.437**	.466**	.632**	.709**	1
	Sig. (2-tailed)	.001	.001	.000	.000	
	N	50	50	50	50	50

** . Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).

Penjelasan daripada output Korelasi di atas.

Merujuk kepada jadual 4.2.5 menunjukkan output nilai korelasi (r) antara S3 (pelajar senang untuk merujuk nota yang telah disediakan) dengan S4 (pelajar mudah untuk mendapatkan nota yang ringkas) menghasilkan nilai = 0.801. Nilai tersebut menunjukkan hubungan sangat kuat kerana nilai korelasi (r) adalah lebih daripada 0.7.

Nilai korelasi (r) 0.709 menunjukkan bahawa hubungan di antara S4 (pelajar mudah untuk mendapatkan nota yang ringkas) dengan S5 (mudah untuk mendapatkan nota lengkap) dalam talian adalah tinggi. Nilai korelasi (r) 0.681 menunjukkan bahawa hubungan di antara S1 dengan S4 adalah sederhana dan ini menunjukkan terdapat hubungan pelajar untuk mendapat soalan semester lepas.

KESIMPULAN

Kajian ini menunjukkan wujud hubungan yang kuat di antara keperluan nota dengan menggunakan nota sebagai medium pilihan untuk pelajar mentelaah mata pelajaran. Melalui keputusan ini, maka perlu ada perisian untuk memudahkan para pelajar mengambil dan mendapatkan nota tersebut. Oleh itu, 'i-questionpkb' ialah satu konsep pembelajaran melalui nota lengkap dan nota ringkas serta latihan melalui soalan-soalan semester lepas yang dilakukan menggunakan media elektronik yang mana terdapat maklumat yang lengkap. Pembelajaran melalui 'i-questionpkb' melibatkan penggunaan internet ianya dapat menjimatkan kos pelajar. Bahan-bahan rujukan dimuatnaik dalam laman 'i-questionpkb', adalah antara kaedah yang boleh diterokai bagi meningkatkan ilmu pengetahuan pelajar. Bahan-bahan 'i-questionpkb' dapat dicapai dengan mudah melalui telefon pintar akan membantu pelajar untuk mengulangkaji kursus ini dengan lebih berkesan

BIBLIOGRAFI

1. Cortina, J.M. (1993). *What is Coefficient Alpha? An Examination of Theory and Applications*. Journal of Applied Psychology 78.
2. Ulaimi bin Yahya & MD Baharuddin bin Abdul Rahman (2013). *Pengenalan Kepada SPSS Kaedah Menganalisa Data Mengguna SPSS KB Excel Printing (M) Sdn Bhd*
3. Norizan Abdul Razak 2000, Penggunaan Teknologi Maklumat dalam Pengajaran dan Pembelajaran ; menangani perubahan. Bangi ; Universiti Kebangsaan Malaysia
4. Nichols & Anderson (2005). Strategi Pelaksanaan e-pembelajaran Teknologi Pendidikan & Society, 8(4), 1-8
5. Sharpe, R. , Benfield, G. and Francis R. , (2006) Implementing a University e-learning.com.intros 2007. What is learning
6. Ting Kung Shiung, (2007). Kajian Mengenai Penggunaan e-pembelajaran (e-learning) Dikalangan Pelajar Jurusan Pendidikan Teknik dan Vokasional Di Institusi Pengajian Tinggi (IPTA) Negeri Johor. Universiti Teknologi Malaysia; Projek Sarjana Muda
7. Victor Jeurissen (2004). Distributed Education ; Challenges, Choices and a new environment. Washington, Dc ; American Council on Education.